



Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pendaftaran Negara
No. 20 Persiaran Perdana, Presint 2
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3 Ogos 2018 (Jumaat)

**PEMBERITAHUAN PENUTUPAN SEMENTARA PEJABAT JPN DAERAH SETIU,
NEGERI TERENGGANU**

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memaklumkan kepada orang ramai berkaitan penutupan sementara pejabat JPN Daerah Setiu, Negeri Terengganu bermula pada **06 Ogos 2018 (Isnin) hingga 11 Oktober 2018 (Khamis)** berikutan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di pejabat tersebut.

Bagi memudahkan urusan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan JPN, boleh hadir ke pejabat JPN Daerah Besut dan JPN Kuala Terengganu. Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat JPN Putrajaya di talian 03-88807077 atau emel ke pro@jpn.gov.my.

Sekian, harap maklum.

Tamat/.